PERCUMA

Majlis Penyampaian Saguhati Guru Quran & Agama 2011 3

Puz Di Fiesta Mutiara RTM 5

Affinislamic Bank Bhd. Tunai Zakat Perniagaan Tahun Kewangan 2010 7

Infozakat

PUSAT URUS ZAKAT PULAU PINANG Keluaran 01/2012 www.zakatpenang.com

KOMPLEKS INAPAN KASIH SAYANG: SATU LAGI TRANSFORMASI AGIHAN PUZ

PONGSU SERIBU, KEPALA BATAS

Pusat Urus Zakat, MAINPP telah melangkah setapak lagi dalam mempelbagaikan bentuk pengagihan wang zakat di Negeri Pulau Pinang melalui penubuhan sebuah asrama untuk anak-anak fakir miskin yang dikenali sebagai Kompleks Inapan Kasih Sayang ditubuhkan bagi membantu anak-anak asnaf mendapatkan pendidikan yang lengkap dan sempurna dari asrama sehingga ke sekolah melalui pembiayaan yuran dan bantuan pakaian seragam sekolah, kemudahan kelas tuisyen, kelas agama, perpustakaan mini, bilik komputer dan sebagainya. Bangunan ini merupakan sumbangan daripada Inai Kiara Sdn. Bhd. di atas sebahagian tanah milik Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) pada tahun 2008 dan diserahkan kepada Pusat Urus Zakat pada tahun 2011 bagi merealisasikan impian mewujudkan sebuah asrama untuk anak-anak fakir miskin. Inapan ini mempunyai tiga blok utama iaitu asrama lelaki, asrama perempuan dan bangunan pentadbiran termasuk pejabat, dewan utama, dewan makan dan surau. Asrama ini mempunyai 60 bilik dengan jumlah penghuni bagi setiap bilik seramai 3 orang.

Inapan Kasih Sayang telah mula dibuka secara rasminya pada sesi persekolahan 2012 yang lalu kepada pelajar-pelajar darjah empat, lima dan enam dengan pengambilan pertama seramai 86 orang dengan 52 orang pelajar perempuan dan 34 orang pelajar lelaki. Semua penghuni asrama ini bersekolah di Sekolah Kebangsaan Ara Rendang, Kepala Batas.

Salah satu bangunan utama yang menempatkan Pejabat Pentadbiran

Sekitar kawasan asrama

SELESA... *suasana di dalam bilik tidur.*

Inapan Kasih Sayang PUZ, MAINPP

مرعيتكن زكاة
Merakyatkan Zakat

..iaitu orang yang beriman kepada perkara-perkara yang ghaib, dan mendirikan solat serta membelanjakan (mendermakan) sebahagian dari rezeki yang Kami berikan kepada mereka.

Surah Al-Baqarah (Ayat 3)

SEKALUNG PENGHARGAAN

BUKIT MERTAJAM, 31 DISEMBER 2011

Pusat Urus Zakat, MAINPP ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan penghargaan dan terima kasih kepada pembayar-pembayar zakat di Negeri Pulau Pinang yang terus memberi kepercayaan kepada PUZ sebagai agensi utama dalam memungut dan mengagihkan dana zakat kepada golongan asnaf yang berkelayakan. Insya'Allah, dengan kepercayaan ini PUZ akan berusaha melaksanakan tanggungjawab sebagai Amil Zakat. Sekaligus, memastikan wang zakat yang diperoleh dapat diagihkan kepada golongan asnaf.

Untuk makluman, PUZ telah mencapai jumlah kutipan zakat keseluruhan sebanyak RM 58,212,278.88 dengan jumlah pembayar sebanyak 55226 orang pada tahun 2011 berbanding pada tahun 2010 sebanyak RM 49,240,606.91 dengan jumlah pembayar sebanyak 51208 orang. Dengan jumlah lonjakan sebanyak RM 8,971,671.97 daripada tahun 2010 kepada 2011 ini, ianya menjadikan pencapaian tertinggi dalam sejarah penubuhan PUZ iaitu 8.35% unjuran peningkatan. Sementara untuk agihan zakat pula, mencatatkan angka RM 54,362,992.23 dengan jumlah penerima zakat sebanyak 30503 orang bagi tahun 2011.

Justeru, PUZ merakamkan sejuta penghargaan kepada semua pembayar yang telah menyumbang kepada peningkatan ini. Diharapkan, dengan jumlah kutipan ini dapat membantu golongan asnaf yang memerlukan. SYABAS...

MUSNAH... *Keadaan rumah mangsa akibat ribut.*

SUMBANGAN... *daripada PUZ yang diwakili oleh En. Kairi*

'JOM ZIARAH ASNAF' TERJAH LAGI

KEPALA BATAS, 18 OGOS 2011

Pusat Urus Zakat, MAINPP sentiasa 'turun padang' melalui program 'Jom Ziarah Asnaf'. Kali ini PUZ menerima berita dari sumber orang ramai bahawa ada asnaf yang terpinggir di kawasan perkampungan Permatang Tinggi, Kepala Batas. Pihak PUZ dengan lantas turun menjenguk keadaan beliau Pn. Rasadan binti Aroff, seorang warga emas yang menjaga 3 orang cucu yang tinggal di kawasan perkampungan Permatang Tinggi. Beliau yang hanya menerima bantuan JKM untuk cucunya yang bersekolah. Selain daripada bantuan JKM, cucunya membuat kuih untuk dijual sebagai memperoleh pendapatan tambahan harian keluarga ini yang tidak menentu. Kedatangan PUZ yang diwakili oleh En. Mohamad Kairi bin Ghazalli, Penolong Pengurus Besar Jab. Agihan & Pembangunan Masyarakat menyalurkan bantuan agar pihak keluarga ini dapat meringankan bebanan yang ditanggung. Pihak PUZ juga turut menyumbangkan bantuan kewangan dan makanan pada hari tersebut. Selain itu, PUZ juga menyalurkan bantuan kepada mangsa ribut di Permatang Pak Maras. Menurut keterangan mangsa, Hisham bin Muhamud, ribut yang melanda mengakibatkan separuh bumbung rumahnya dibahagian dapur terkopak diterbangkan angin serta turut menyebabkan kerosakan perabot dan bilik tidur pemohon. PUZ telah meluluskan sumbangan sebanyak RM 1,500.00 kepada pemohon.

MAJLIS PENYAMPAIAN SAGUHATI GURU QURAN & AGAMA 2011

SEBERANG JAYA, 27 DISEMBER 2011

Pusat Urus Zakat MAINPP, telah menyampaikan saguhati Guru Quran & Agama bagi Negeri Pulau Pinang untuk tahun 2011 yang telah berlangsung di Dewan Mahligai, Bangunan PERKESO bermula 8.00 pagi dan berakhir pada 12.00 tengahari. Dengan perbelanjakan sebanyak RM 1.37 juta, PUZ dapat mengagihkan wang saguhati tersebut kepada 2,296 orang Guru Quran & Agama seluruh Pulau Pinang. Y. Bhg. Tn Hj. Ellias bin Hj. Zakaria Yang DiPertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), telah menyempurnakan majlis tersebut. Sumbangan yang diberikan sebagai tanda penghargaan kepada para Guru Quran & Agama yang telah mendidik, mengajar, memberi ilmu dan membentuk masyarakat kepada kehidupan yang berland-askan keagamaan.

Kakitangan PUZ sibuk mengagihkan saguhati

YDP MAINPP menyampaikan saguhati kepada penerima

MAJLIS SERAHAN BANTUAN ZAKAT DUN PENAGA

PENAGA, KEPALA BATAS, 24 SEPTEMBER 2011

UCAPAN... *Sebagai pembuka majlis*

Pusat Urus Zakat, MAINPP dengan kerjasama Penyelaras KADUN Bahagian Penaga iaitu Ustaz Roshidi bin Husaain telah menjayakan serahan bantuan zakat untuk fakir miskin kawasan tersebut. Antara tetamu kehormat yang hadir dalam majlis tersebut ialah Timbalan Ketua Menteri (1) Pulau Pinang, Y.B. Dato' Mansor bin Hj. Othman, Y.B. Dato' Hj. Mohd Salleh bin Man, Timbalan Yang DiPertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP). Turut hadir bagi menjayakan majlis tersebut Ahli Majlis Perbadanan Seberang Perai iaitu Hj. Jamil bin Abdul Rahman dan juga Pegawai Daerah Seberang Perai Utara, Tn. Jusni bin Ismail. Seramai lebih kurang 55 penerima bantuan yang hadir menerima bantuan pada hari tersebut.

TKM (1) P. Pinang, Dato' Mansor menanyakan sesuatu kepada penerima bantuan...

DISALURKAN... *Terus kepada pemohon*

Dan dirikanlah solat dan tunaikanlah zakat: dan ruku'lah kamu semua (berjama'ah) bersama-sama orang yang ruku'.

Surah Al-Baqarah (Ayat 43)

Sesi Pendaftaran pelajar-pelajar

Taklimat oleh Pengurus Besar PUZ

Set pakaian lengkap sekolah diagihkan

PENGAMBILAN PERTAMA PELAJAR-PELAJAR KE KOMPLEKS INAPAN KASIH SAYANG.

KEPALA BATAS, 29 DISEMBER 2011

Sesi pendaftaran masuk pelajar-pelajar baru ke Kompleks Inapan Kasih Sayang di Pongsu Seribu telah berlangsung dengan jayanya bermula jam 10.00 pagi. Seawal jam 8.00 pagi para ibu bapa dan waris pelajar telah mula membanjiri perkarangan kompleks bagi menghadiri majlis yang pertama kali dianjurkan oleh Pusat Urus Zakat ini. Majlis telah disempurnakan oleh Tn. Hj. Azman bin Hj. Abdul Samat, Pengurus Besar, Pusat Urus Zakat, MAINPP. Kemudian disusuli taklimat awal kepada ibu bapa dan pelajar yang disampaikan oleh En. Mohamad Kairi bin Ghazalli, Penolong Pengurus Besar Jabatan Agihan Pembangunan Masyarakat, PUZ. Sebagai ganjaran kemasukan pelajar-pelajar ke kompleks ini, setiap pelajar telah menerima satu set pakaian seragam dan peralatan sekolah untuk digunakan pada sesi persekolahan 2012. Seramai 86 orang pelajar (first batch) telah diterima masuk ke Kompleks Inapan Kasih Sayang yang terdiri daripada pelajar Tahun Empat, Lima dan Enam. Pelajar-pelajar ini telah berjaya mendapat markah 50% dan ke atas dalam ujian kemasukan yang telah dijalankan pada 24 September 2011 yang lalu. Kesemua pelajar ini bersekolah di Sek. Keb. Ara Rendang, dengan mendapat tajaan penuh Pusat Urus Zakat, MAINPP. Pengambilan seterusnya untuk penghuni Inapan Kasih Sayang akan diadakan pada bulan Februari 2012.

PROGRAM SEHARI BERSAMA PUSAT HEAMODIALISIS ZAKAT.

KEPALA BATAS, 2 OKTOBER 2011

Bertempat di Kompleks Budi Penyayang, Kepala Batas, Pusat Haemodialisis Zakat (PHZ) dengan kerjasama Janssen Cilag Malaysia, telah menganjurkan Program Sehari Bersama PHZ, di mana seramai 300 orang pesakit buah pinggang yang menerima rawatan haemodialisis di PHZ dan ahli keluarga dikumpulkan. Objektif program ialah untuk menghimpunkan semua pesakit di bawah kendalian PUZ bagi mendedahkan mereka dengan info kesihatan terkini, di samping dapat mengeratkan silaturrahim di antara pesakit dan kakitangan. Sesi pertama program dimulakan dengan ceramah motivasi yang disampaikan oleh Y. Bhg. Dr. Danial bin Hj. Zainal Abidin, Ahli Majlis MAINPP dan diikuti dengan ceramah kesihatan oleh Y.Bhg. Dr Syed Faizal Taha, Pakar Nephrologi dari Kedah Medical Centre. Tetamu yang hadir berkesempatan mengajukan soalan-soalan berkaitan kesihatan seperti soal pemakanan, ibadah dalam keadaan sakit dan lain-lain. Program telah disempurnakan oleh Y. Bhg. Tn. Hj. Ellias bin Hj. Zakaria, YDP MAINPP. Turut hadir Tn. Ir. Ahmad Zakiyuddin bin Abd Rahman, Ahli Lembaga Pengarah PUZ, MAINPP.

***BERSEMANGAT**... Dr. Danial menyampaikan ceramah motivasi beliau*

Antara jemputan VIP yang turut menyerikan majlis

***TEKUN**... Hadirin & hadirat memberi tumpuan ketika ceramah disampaikan*

BERKAT... Majlis serahan 'mock cheque' zakat oleh KFC Holding dan QSR Brands kepada MAINPP

Kaunter zakat turut dibuka

Peserta Seminar mengikuti pembentangan yang disampaikan oleh penceramah

PUZ ANJUR SEMINAR KEPENGGUNAAN HALAL PULAU PINANG 2011

BAYAN LEPAS, 22 DISEMBER 2011

Pusat Urus Zakat bersama dengan Institut Pembangunan Pengurusan Johor (IPPJ), Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP) dan Persatuan Institusi Pembankan Islam Malaysia (AIBIM) buat kali kedua menganjurkan Seminar Kepenggunaan Halal. Seminar yang berlangsung di Kompleks Tabung Haji Bayan Lepas ini telah menghimpunkan seramai 180 orang peserta yang terdiri dari pelbagai latarbelakang, seperti perhotelan, pastri, makanan kering, katering dan lain-lain lagi. PUZ melalui pembentangannya En. Mohamad Fuad Md. Isa, Penolong Pengurus Besar Jabatan Operasi Kutipan & Pemasaran PUZ, menyampaikan ceramah bertajuk "Keberkatan Dalam Perniagaan". Lain-lain pembentangan ialah Wakaf Pemangkin Ekonomi Ummah MAIJ, Persijilan Halal : Prosuder dan Isu Terkini JAIPP,Peluang Bisnes bersama KFC /Ayamas oleh QSR Brands Bhd. Integriti Halal Dari Sudut Perihal Dagangan (KPDNKK) dan Perbankan Islam Solusi Kewangan Industri Halal oleh AIBIM. KFC Holdings dan QSR Brands atau lebih dikenali dengan Pizza Hut mengambil kesempatan menunaikan zakat bagi tahun kewangan 2011 dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM229,690.00. Seminar tersebut telah dirasmikan oleh Y.B. Dato' Haji Mohd Salleh Bin Man, Timbalan Yang Dipertua MAINPP.

Berlintas Langsung dari Mini studio RTM

Kaunter PUZ dibuka

PUZ DI FIESTA MUTIARA RTM

S.P.S, JAWI, 16 & 17 DISEMBER 2011

Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM) Pulau Pinang telah menganjurkan Program Fiesta Mutiara - Sentuhan Rakyat di padang awam Jawi, Seberang Perai Selatan. PUZ sebagai salah sebuah agensi turut menyumbang peruntukan bagi penajaan program forum Perdana Hal Ehwal Islam. PUZ juga telah berkesempatan untuk berlintas langsung menerusi studio mini Mutiara FM yang diadakan disana. Kesempatan ini diambil oleh PUZ untuk menyampaikan info terkini serta kaunter-kaunter perkhidmatanyang dibuka sepanjang Disember ini. PUZ seperti biasa turut mengambil peluang membuka kaunter zakat bagi kemudahan pengunjung di sekitar Jawi dan Nibong Tebal untuk menunaikan kewajipan berzakat.

Dan (ingatlah wahai Muhammad), ketika Kami mengikat perjanjian setia dengan Bani Israil (dengan berfirman): "Janganlah kamu menyembah melainkan Allah, dan berbuat baiklah kepada kedua ibu-bapa dan kaum kerabat, dan anak-anak yatim, serta orang miskin dan katakanlah kepada sesama manusia perkataan-perkataan yang baik; dan dirikanlah solat serta berilah zakat." Kemudian kamu berpaling membelakangkan (perjanjian setia kamu itu) kecuali sebahagian kecil dari kamu; dan sememangnya kamu orang yang tidak menghiraukan perjanjian setianya.

Surah Al-Baqarah (Ayat 83)

MAYBANK ISLAMIC BAYAR ZAKAT PERNIAGAAN DI SERI MUTIARA

SERI MUTIARA,PULAU PINANG, 19 DISEMBER 2011

Penyerahan "mock cheque" oleh Maybank Islamic.

Maybank Islamic Berhad tampil menunaikan Zakat perniagaan bagi tahun kewangan 2010, dengan jumlah zakat sebanyak RM 450,00.00. T.Y.T. Tun Dato' Seri (Dr.) Hj. Abdul Rahman bin Hj. Abbas, Yang DiPertua Negeri Pulau Pinang, telah sudi menerima zakat tersebut bagi pihak MAINPP. Manakala pihak Maybank Islamic diwakili oleh Y. Bhg. Tan Sri Datuk Dr Hadenan A. Jalil, Ahli Lembaga Pengarah bersama En. Muzaffar Hisham, CEO Maybank Islamic . Hadir sama di majlis ini ialah Y.B. Tn. Hj. Abdul Malik bin Abul Kassim Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama, Perdangangan Dalam Negeri & Hal Ehwal Pengguna Pulau Pinang.

BANK PERSATUAN & BANK PEMBANGUNAN TUNAI ZAKAT PERNIAGAAN

SERI MUTIARA,PULAU PINANG, 22 DISEMBER 2011

T.Y.T. Tun Dato' Seri Utama (Dr.) Haji Abdul Rahman Bin Haji Abbas, Yang DiPertua Negeri Pulau Pinang, telah berkenan menerima Zakat Perniagaan dari Bank Persatuan (M) Bhd dan Bank Pembangunan (M) Bhd. Bagi tahun kewangan 2010. Bank Persatuan (M) Bhd diwakili oleh Pengerusinya Y. Bhg. En. Omar bin Hj. Mat Som, menyerahkan zakat berjumlah RM 578,476.47 manakala Y. Bhg. Tn. Hj. Johari bin Jonid, Penolong Timbalan Presiden Khidmat Nasihat Syariah mewakili Bank Pembangunan (M) Bhd, menyerahkan zakat berjumlah RM 125,773.78. Hadir sama di majlis ini ialah Y.B Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim, Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama, Perdangangan Dalam Negeri & Hal Ehwal Pengguna dan Y. Bhg. Tn. Hj. Ellias bin Hj. Zakaria , Yang DiPertua MAINPP.

Bank Pembangunan tunai zakat

Wakil Bank Persatuan Persatuan menyerahkan zakat perniagaan

AFFINISLAMIC BANK BHD. TUNAI ZAKAT PERNIAGAAN TAHUN KEWANGAN 2010

BUKIT MERTAJAM, 22 DISEMBER 2011

Sebagai melaksanakan tuntutan agama, pihak AffinIslamic Bank Bhd. telah tampil menyempurnakan zakat perniagaannya untuk tahun kewangan 2010 yang berjumlah RM 326,000.00. AffinIslamic Bank diwakili oleh Pn. Puziah binti Abu Bakar, Ketua Zakat & Pengurusan Promosi serta Pn. Mawar Azah binti Ahmad, selaku Pengurus Cawangan AffinIslamic Bank Pulau Pinang. Sementara PUZ diwakili oleh Tn. Hj. Azman bin Hj. Abdul Samat, Pengurus Besar menerima zakat perniagaan tersebut.

Wakil AffinIslamic Bank menyerahkan replika cek bayaran zakat kepada Pengurus Besar PUZ, MAINPP

KUTIPAN ZAKAT HARTA NEGERI PULAU PINANG (Januari - Disember 2011)

JENIS ZAKAT	JUMLAH (RM)	PEMBAYAR
PENDAPATAN	33,686,963.02	46,710
PERNIAGAAN	12,894,641.83	874
WANG SIMPANAN	6,342,519.05	4,751
ZAKAT HARTA (umum)	3,016,264.06	553
KWSP/Caruman Berkanun	1,182,396.78	1,026
QADHA ZAKAT	169,843.11	144
TANAMAN	299,338.24	452
TERNAKAN	2,330.00	3
EMAS	458,238.60	540
PERAK	274.00	3
SAHAM/BON	159,570.19	170
JUMLAH KESELURUHAN	**58,212,378.88**	**55,226**

AGIHAN ZAKAT HARTA NEGERI PULAU PINANG (Januari - Disember 2011)

JENIS ASNAF	JUMLAH (RM)	PENERIMA
FAKIR	3,261,992.80	2,055
MISKIN	24,058,860.15	23,345
AMIL	6,259,570.42	230
MUALLAF	959,223.01	592
GHORIMIN	1,400,391.38	290
IBNU SABIL	215,351.20	303
FISABILILLAH	18,207,603.27	3688
JUMLAH	**54,362,992.23**	**30,503**

Wahai orang yang beriman! Sebarkanlah sebahagian dari apa yang telah Kami berikan kepada kamu sebelum tibanya hari (Khiamat) yang tidak ada jualbeli padanya, dan tidak ada kawan teman (yang memberi manfaat), serta tidak ada pula pertolongan syafaat. Dan orang kafir, mereka itulah orang yang zalim.

Surah Al-Baqarah (Ayat 254)

Pusat Urus Zakat
Majlis Agama Islam
Negeri Pulau Pinang

No. 4,
Jalan Perda Selatan,
Bandar Perda,
14000 Bukit Mertajam.
Tel: 04-537 8088
Faks: 04-530 6466
www.zakatpenang.com

'TURUN PADANG' SEKILAS PEMASARAN PUZ

BUTTERWORTH, 20 SEPTEMBER 2011

Bersempena dengan sambutan Hari Terbuka TM Pulau Pinang, PUZ sekali lagi diundang bagi memeriahkan program berkenaan. Kesempatan ini turut memberi peluang kepada PUZ untuk mendekati warga TM Pulau Pinang serta pelanggan TM bagi mendedahkan perkara berkaitan kewajipan berzakat. Ternyata penglibatan PUZ kali ini tidak sia-sia bilamana sejak seawal pagi lagi, gerai PUZ menjadi tumpuan orang ramai. Seperti biasa di gerai PUZ, disediakan kaunter taksiran dan bayaran zakat selain info berkaitan program pembangunan asnaf yang dilaksanakan dapat disampaikan secara terus kepada para pengunjung.

Kakitangan PUZ sedang memberi penjelasan berkaitan pembayaran zakat

Orang ramai yang datang ke gerai PUZ

Penjelasan sedang diberikan

PMTG DAMAR LAUT, 18 DISEMBER 2011

Pusat Khidmat Masyarakat Y.B. Tn. Hj. Abdul Malik bin Abul Kassim bekerjasama dengan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) telah menganjurkan Program Karnival Rakyat yang diadakan di lokasi Padang Awam Permatang Damar Laut. Pusat Urus Zakat, MAINPP berkesempatan mengadakan pameran sepanjang program tersebut berlangsung.

Orang ramai memperoleh maklumat tentang zakat

TASEK GELUGOR, 29 OKTOBER 2011

Pusat Urus Zakat, MAINPP telah menerima jemputan pameran daripada Klinik Kesihatan Tasek Gelugor selaku penganjur bagi memeriahkan Program Bersama Rakyat. Program tersebut telah dirasmikan oleh Y.B. Tan Sri Dato' Seri Nor Mohamed bin Yakcop, Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Antara suasana di dalam gerai PUZ

TELOK BAHANG, 26 DISEMBER 2011

Pusat Urus Zakat, MAINPP meneruskan usaha menyebarluaskan kewajipan berzakat di Karnival Rakyat yang telah dianjurkan oleh Pejabat Speaker DUN Pulau Pinang, Y.B. Dato' Hj. Abdul Halim bin Hussain. Program ini diadakan di Dewan Serbaguna Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Telok Bahang yang telah dirasmikan oleh Senator Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff, Setiausaha Negeri Pulau Pinang.